

# 42 pelajar sertai KEMPAS 2013

**Puchong:** Seramai 42 pelajar dari seluruh negara, memanfaatkan waktu cuti persekolahan ini, dengan mendalami ilmu perhutanan menerusi Kem Alam Semulajadi (KEMPAS) 2013.

Program anjuran Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berlangsung di Pusat Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Hutan Simpan Ayer Hitam, dekat sini.

Ketua Modulnya, Dr Mohd Hafizal Ismail, berkata acara itu bermatlamat memberi pendedahan mengenai alam semula jadi melalui pendekatan menyeronokkan.

"Program ini menampilkan la-

pan modul yang memerlukan peserta melakukan uji kaji iklim, air, flora dan fauna serta ekologi yang dibuat dalam bentuk pertandingan antara negeri.

## Lokasi terbaik jalankan penyelidikan

"Kepelbagaiannya spesies flora dan fauna serta banyak spesies endemik iaitu yang hanya terhad pada sesuatu kawasan dan banyak tumbuhan ubatan di kawasan ini menjadi satu lokasi terbaik untuk tujuan pendidikan seumpama ini," katanya.

Program yang berlangsung selama lapan hari tujuh malam bermula Sabtu lalu itu membawa

bitkan peserta dari 14 sekolah di seluruh negara.

Penganjuran KEMPAS 2013 mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan, ExxonMobil dan BH.

Mohd Hafizal berkata, acara tahunan kali kelapan itu lebih menarik pada tahun ini kerana menggabungkan modul pada tahun lalu yang dilihat lebih berkesan dari segi penghayatan.

"Sebagai pembaharuan tahun ini, peserta didedahkan dengan kawasan yang menjalankan aktiviti ekonomi dan dibuat perbandingan supaya mereka melihat kesan lebih jelas terhadap alam sekitar," katanya.



*Kem Pendidikan Alam Semulajadi yang diadakan di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), baru-baru ini, adalah bagi mendedahkan kepada pelajar mengenai kepentingan hutan dan mengenal pokok.*

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/BH]